





# SEKAPUR SIREH

Salam sejahtera kepada pembaca JENDELA. Tahun 1988 melambai-lambai untuk mengucapkan selamat tinggal dan tahun 1989 pula menghulurkan senyum menyambut langkah kita.

Mari kita merenung kembali apa-apa yang telah lewat kita lakukan sepanjang tahun 1988. Yang baik kita buat ingatan yang buruk kita buat sempadan.

Tahun 1988, JENDELA telah mencapai tahap yang dikehendaki, memuatkan rencana-rencana menarik dan berfaedah. Dalam sepanjang tiga tahun terbitan JENDELA, pembaca berpeluang mengetahui perkembangan dan aktiviti semasa yang berlaku di Perpustakaan.

Akhir sekali JENDELA mengucapkan Selamat Menyambut Krismas kepada semua kakitangan Perpustakaan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru 1989 kepada semua pembaca.

"SELAMAT MEMBACA"

## KANDUNGAN

Rencana .....	2
Hal-Ehwal Kakitangan.....	6
Laporan.....	7
Sumber Ilham.....	15
Sudut Pembaca.....	19
Sudut Resipi.....	20
Ucapan.....	21
Kuiz.....	27

## Sidang Pengarang

Boey Fook Loong (*Ketua Pengarang*)  
Akhiar Salleh  
Aznan Omar  
Mary Vergis  
Md. Noor Din  
Mohd. Pisol Ghadzali  
Norma Bahri  
Sakinah Che Embi  
Lim Chee Hong (*Penasihat*)

## *Penghargaan kepada*

S. Kirubanathan - *Pelukis kartun dan grafik kulit*  
Ismail Abu - *Pencetak*

Penghargaan khas kepada Rosni bt. Habib yang sudi meluangkan masa dan tenaga dalam kerja-kerja menaip dan mengedit isu ini.

## TIGA TAHUN JENDELA

oleh  
*Norma Bahri*

Dengan isu ini JENDELA menjangkau usia tiga tahun. Jika dibanding isu kini dengan yang pertama, jauh bezanya. Baik dari segi persembahan mahupun kandungannya. Diharap perbezaan ini mencerminkan kematangan buletin kita ini.

Lahirnya JENDELA adalah kerana hasrat untuk menjalin perhubungan yang lebih erat antara semua kakitangan Perpustakaan. Kita bangga sebab JENDELA berjaya dalam matlamatnya untuk menjadi penyebar maklumat kepada semua 193 orang kakitangan Perpustakaan, tidak kira di Pulau Pinang, Kelantan atau Perak.

Dari segi teknikal, kalau dahulu JENDELA bermula dengan ditaip dan menggunakan cara "potong dan tampal" sekarang mikrokomputer memainkan peranan yang penting dalam penerbitan buletin ini.

Buletin ini telah dapat mengimbangkan kandungannya. Rencana ilmiah dengan berita hal ehwal kakitangan, laporan-laporan perkembangan/kemajuan dengan grafik-grafik kartun yang melucukan, sorotan latihan/seminar/bengkel dengan ucapan-ucapan selamat. Pendek kata JENDELA cuba merangkumi semua bidang yang mungkin menarik minat setiap kakitangan Perpustakaan.

Dari rencana-rencana yang diterbitkan, JENDELA berharap dapat menyumbang terhadap pengetahuan semua kakitangan dalam bidang sains perpustakaan dan perkara berkaitan, lebih-lebih lagi tentang perkembangan di Perpustakaan USM sendiri. Buletin kita ini sedia menjadi batu loncatan kepada bakal penulis untuk mengasah bakat, tidak kira dalam penulisan ilmiah atau karya-karya kreatif.

Bakat-bakat kreatif telah dapat dicungkil dengan adanya ruangan "Sumber Ilham". Hasil-hasil berupa sajak, pantun dan cerpen diterbitkan di mana peluang diberi untuk meluahkan perasaan melalui seni dan sastera. Beberapa peraduan telah dijalankan untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan semua kakitangan dalam menjayakan buletin kita semua. Peraduan mencipta nama buletin mendapat sambutan hangat sekali. Begitu juga peraduan menulis sajak.

Menerusi ruangan "Personaliti", JENDELA cuba memperkenalkan kakitangan Perpustakaan dengan lebih dekat lagi. Dari ruangan-ruangan yang lepas, nyatalah Perpustakaan kita mempunyai peronaliti-personaliti yang sangat dinamis dan menarik. Sudah tentu kita tidak sabar menunggu untuk mengenali kesemua kakitangan (lama dan baru) dengan lebih 'intim' lagi.

Setiap kali perayaan, JENDELA tidak ketinggalan untuk memuatkan ucapan-ucapan yang berkenaan supaya kita semua berpeluang membuat ucap selamat kepada rakan-rakan sekalian. Melalui buletin ini kita dapat berkomunikasi tanpa setem, sampul atau posmen!

Pada suatu ketika JENDELA nyaris lenyap tetapi dengan semangat "pantang maut sebelum ajal" ia terus diterbitkan sehingga kini. Untuk menjayakan lagi penerbitan kita ini diharap bahawa sumbangan-sumbangan akan membanjiri sidang pengarang supaya buletin JENDELA terus kekal sebagai buletin yang eksklusif untuk kita dalam sistem Perpustakaan USM.

## PENDAPAT PEMBACA MENGENAI JENDELA

To me, JENDELA has been a good medium in trying to bridge communication among library staff. It does give us a roundup of what's happening in the library even though at an interval. At least it is an information provider for those who are excluded from the gossip circuit. Better to know late than never!

It has also been an avenue for the release of creative ideas for some. So let the ideas flow.... Editors, keep up the good work and thank you for your dedication in providing us with some reading pleasure.

*Masrah*

Kebelakangan ini saya dapati 'JENDELA' semakin kerap memuatkan rencana-rencana yang boleh dianggap 'heavy'. Pada pandangan saya jika JENDELA ingin memuatkan rencana yang ilmiah, sepatutnya rencana itu ditulis dan diolah semula supaya menarik minat dan difahami oleh semua lapisan kakitangan perpustakaan.

*SMN*

Bagus....sebab kita tahu tentang perkembangan di Perpustakaan.

*Che Om*

Bila terima JENDELA, saya cari ruang kartun dahulu!

*Aminah*

Articles too academic.  
Poor participation from staff - staff should be encouraged to send in articles/poems, etc.  
More competitions and attractive prizes to be given.  
More pictures, cartoons.

*'Vallapalam'*

There should be some contributions from the other two branch libraries (in Kubang Kerian, Kelantan and Ipoh, Perak.)

*Anonymous*

JENDELA merupakan sebuah majalah kakitangan Perpustakaan yang boleh dikatakan sesuai untuk menyebarkan/memberi maklumat tentang perkembangan-perkembangan di dalam Perpustakaan. Ia juga menyebarkan maklumat-maklumat terbaru kakitangan-kakitangan.

Sungguhpun masih baru, namun ia berupaya berfungsi sebagai suatu tempat untuk mencungkil bakat-bakat baru di bidang sajak, masakan, rencana dan bidang-bidang lain.

Ia juga berjaya mencipta aktiviti-aktiviti untuk kakitangan.

*Zai*

Pendapat saya JENDELA memang bagus, sebab maklumat-maklumat berkenaan dengan Perpustakaan dapat diketahui dari masa ke semasa.

*Asnah*

## CUMA BAWA JASAD SAHAJA

oleh  
*Ramli Abdul Samad*

Seperti biasa berdepan dengan publik di kaunter terbuka memberi kita peluang melihat pelbagai kerenah manusia. Ikuti satu adegan di bawah yang merupakan kisah sebenar.

"Encik, saya nak keratan akhbar" tiba-tiba seorang hamba Allah melontarkan permintaan kepada saya. Beliau tiba-tiba timbul, mungkin dari arah sebelah kawasan Media.

"Tajuk apa yang dikehendaki?" bertanya saya. Beliau dengan simpul malu kerana pertanyaan awalnya tidak memadai.

"Saya nak tajuk masalah seks wanita" katanya selamba sahaja. Wajahnya bersih berseri. Terasa seronoknya bekerja pada saat itu.

"Mungkin you nak masalah sosial tak?" saya cuba meluruskan permintaannya sambil menuju ke kabinet.

Selang 15 saat saya pun menyerahkan kepada beliau. Beliau seorang gadis genit, senyum lagi kali ini ternampak lesung pipit. Suasana buat seketika menjadi mesra. Saya teruskan tugas saya.

"Tolong isikan borang ini" saya mengarahkan sepertimana semua petugas mengarahkan pada sesiapa yang ingin membuat pinjaman.

"Ai, saya lupa bawa pen" katanya.

Pen yang selalu diikat dengan tali milik kawasan rujukan pada hari itu hilang pula. Maka saya pun dengan belas kasihan meminjamkan pen yang ada di dalam poket baju saya.

"Sila serahkan kad 'library' saudara!" saya mengarahnya lagi. Beliau senyum lagi. Murah betul senyum beliau tidak seperti ramai gadis yang saya temui.

"Ai, saya tak bawa!"

"Kad matrik?"

"Kad matrik pun tak ada."

"Sebarang kad sahajalah."

"Satu pun tak ada. Saya terlupa nak bawa. Tinggal di bilik!" nadanya terasa tulen.

"Lain kali tak boleh buat begini lagi." Saya tegas memberitahu beliau.

Bagaimana pun berdasarkan kemanusiaan saya benarkan beliau meminjam tajuk yang diminta. Beliau diarah duduk di depan kaunter. Selepas tempoh 2 jam saya meminta beliau mengembalikan fail itu.

Harap kali yang lain pula seorang pelajar itu tersusun sedikit dirinya tidak seperti saudari di atas tadi yang cuma membawa jasadnya saja.

# BAGAIMANA KITA DAPAT MENCEGAH PENAGIHAN DADAH DI TEMPAT KERJA

Disunting oleh  
Noor Ida Yang Rashidi

*(Petikan dari kertas kerja seminar sehari "Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Tempat Kerja/Jabatan" pada 25 Mei 1988, di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).*

## 1. Memberi maklumat

- Poster  
Pamerkan poster-poster mengenai keburukan/akibat dadah di papan kenyataan bilik rehat kakitangan dan di kantin-kantin tempat kerja.
- Edarkan risalah-risalah mengenai dadah.
- Artikel dalam majalah majikan atau tempat kerja.
- Adakan penjuru pencegahan dadah di tempat kerja.
- Sediakan bahan-bahan pandang dengar yang terancang untuk tayangan dari masa ke masa.

## 2. Pendidikan

- Memberi kuliah mengenai pencegahan dadah melalui kursus-kursus dan latihan kakitangan.

## 3. Meningkatkan kesihatan

- Pemeriksaan perubatan yang kerap ke atas kakitangan-kakitangan yang berisiko tinggi; memberi maklum balas dan cadangan untuk membaiki keadaan kesihatan kakitangan.
- Menyediakan kemudahan-kemudahan untuk membaiki kesihatan.
- Mengembangkan cara-cara untuk mengatasi ketegangan.
- Perkembangan dan peningkatan kemudahan rekreasi dan sukan di tempat kerja.

## 4. Membaiki alam sekitar pekerjaan


- Wujudkan persefahaman dan perhubungan yang lebih erat di kalangan rakan-rakan sejawat dan di antara penyelia dan pekerja melalui perbincangan dan perjumpaan yang terancang.
- Melicinkan penglibatan dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi kerja kakitangan.
- Membaiki struktur organisasi, cara-cara berkomunikasi, tanggungjawab pekerja dan peranan-peranan yang tertentu.

*(Disambung daripada isu JENDELA yang lepas: Bagaimana Kita Mengenal Pasti Penagih Dadah di Tempat Kerja).*

# HAL-EHWAL KAKITANGAN

*Senarai Latihan dan Seminar yang telah melibatkan kakitangan Perpustakaan*

LATIHAN	TARIKH
1. Stress Management - Curative (kakitangan ikhtisas)	9 September 1988
2. Ceramah mengenai Bagaimana Hendak Menyediakan Perancangan Penerbitan Video/Slaid/Audio	5 Oktober 1988
3. Latihan dBase3 plus (jurutaip)	9-12 November 1988
4. Bengkel Elektronik (juruteknik)	10 Oktober-16 Disember 1988
5. Kursus Pengurusan Kakitangan Am	5-10 Disember 1988
6. Ceramah mengenai Akta Hakcipta	26 November 1988



# LAPORAN

## Memorandum Persefahaman

Majlis Menandatangani memorandum persefahaman penerbitan bersama di antara Universiti Sains Malaysia dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Satu Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman penerbitan bersama diantara Universiti Sains Malaysia dengan Dewan Bahasa dan Pustaka telah diadakan pada 10 November 1988. Termeterainya memorandum tersebut akan memberikan ruang kepada kedua-dua pihak untuk meningkatkan kerjasama di dalam penerbitan buku-buku teks pengajian tinggi. Di dalam usahasama ini, Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa & Pustaka akan berkongsi tenaga dan kemudahan yang diharapkan dapat mengurangkan bebanan tugas dan mempercepatkan proses penerbitan buku. Universiti Sains Malaysia telah diwakili oleh Y. Bhg. Datuk Haji Musa Mohamad, Naib Canselor manakala Tuan Haji Annuar Ayub, Timbalan Ketua Pengarah mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka. Kira-kira 40 orang jemputan turut hadir menyaksikan majlis tersebut yang diadakan di Bilik Mesyuarat Canselori.

## Kursus Pengurusan Untuk Kakitangan Am

Kursus telah dijalankan pada 5-10 Disember 1988 bertempat di Rumah Tetamu dan Perpustakaan.

Penceramah-penceramahnya adalah Puan Zainab A. Kader, Encik Zainol Che Mamat, Encik Ahmad Kabeer dan Encik Hussein Che Pa. Pegawai-pegawai ikhtisas yang bertugas ialah Mohd. Pisol Ghadzali.

Peserta-peserta pula terdiri dari Zulkifli Hashim, Mohd. Khairi Junus, Rosni Habib, Khatijah Din, Goon Kuang Ok, Razak Zainuddin, Atx Swee Eng, Mohd. Redhowan Rani, Zaharah Jusoh, Amin Razip Hassan, Boey Fook Loong, Nasir Khan, Ahmad Nasruddin, Mohd Nasir Abu Hashim, Saad Darus, Mohd. Azizan Embi, A. Rahim Yacob (Kubang Kerian) Mat Noor Md. Zain, Saminathan Veeriah (Ipoh) dan Dawood Nayan (Sains Kemasyarakatan).

Majlis Pembukaan telah dirasmikan oleh Encik Lim Chee Hong, Pemangku Ketua Pustakawan pada 5 Disember di Bilik Pelbagaiguna Perpustakaan.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil dilakukan pada 10 Disember oleh Cik Hajjah Siti Mazenah Saad, Timbalan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia.

Dalam Majlis tersebut, peserta-peserta berikut telah menerima cenderamata khas untuk:

Kepimpinan (Terpendam)	- Zulkifli Hashim
Kepimpinan (Teladan)	- Amin Razip Hassan
'Favourite'	- Rosni Habib
	- Amin Razip Hassan
'Sociable'	- Khatijah Din
Personaliti	- Mohd. Redhowan
Periang	- Boey Fook Loong
Penghibur	- Mohd. Azizan Embi

## **Tenth Minisis User's Group Meeting**

Pang Siam Choong telah menghadiri satu persidangan *The Tenth MINISIS User's Group Meeting* dari 12 hingga 16 Oktober 1988, di Ottawa, Kanada. Satu kertas kerja berjudul "Using MINISIS to process Malaysian MARC data: Universiti Sains Malaysia Library's experience with the MINISIS-UNIMARC interface" yang ditulis bersama dengan Encik Lim Huck Tee telah disampaikan di persidangan yang tersebut. Beliau juga menghadiri satu kursus *Advanced MINISIS Training Course* dari 19 hingga 23 Oktober 1988 di tempat yang sama.

## **Senior Management Seminar**

Rashidah Begum telah menghadiri "Senior Management Seminar on Developing That Extra Edge for the ASEAN Women Managers" pada 30 Oktober hingga 2 November 1988 di Subang Jaya.

## **Berita Dari Perak**

oleh *Foyziah A. Nasaruddin*

Perpustakaan Kampus Cawangan Perak kini telah berusia lebih dari satu tahun. Perkembangan dan kemajuan yang dicapai dalam usia muda ini sungguh menggalakkan.

Koleksi Perpustakaan sekarang mempunyai:

- (a) Lebih dari 24,000 naskhah buku dan majalah berjilid.
- (b) 154 tajuk majalah langganan tetap.
- (c) 3,851 sisipan dan 1,050 bahan media yang lain serta 1,460 keping mikrofilm.

Pada 17 dan 18 Oktober 1988, Rashidah Begum Fazal Mohamed telah memberi taklimat kepada kakitangan Perpustakaan Kampus Cawangan Perak mengenai sistem DOBIS. Kami juga diberi tunjuk ajar cara-cara menambah rekod untuk naskhah tambahan. Sebelum taklimat ini, kami hanya dapat mengakses DOBIS untuk menghantar mesej saja.

Satu latihan lanjutan telah diberi kepada Ketua Cawangan pada 7 hingga 9 November 1988 oleh Yeoh Hoong Kheng dan Rapeah Ahmed mengenai pengkatalogan secara talian.

Sebagai persiapan untuk mengkomputerkan Perkhidmatan Sirkulasi, Perpustakaan Kampus Cawangan Perak telah menampal label kod bar pada sebahagian koleksinya. Dalam projek permulaan ini, sebanyak 8,361 keping label kod bar telah ditampal.

Perpustakaan Kampus Cawangan Perak dijangka berpindah ke tapak tetap di Sri Iskandar pada penghujung tahun 1989.

**SEMINAR PERANAN EDITOR DALAM  
PENYUNTINGAN JURNAL**  
(18-20 Oktober 1988)

oleh  
*Akhlar Salleh*

Seminar ini khusus memberikan tumpuan kepada penerbitan jurnal. Penonjolan masalah dan pelbagai pengalaman penerbitan telah diutarakan di dalam usaha mencari suatu penyelesaian yang dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan pengetahuan pengurusan, mutu dan kesedaran di dalam penyebaran maklumat melalui penerbitan jurnal.

Editor jurnal saintifik merupakan kumpulan khusus yang biasanya bekerja di institusi penyelidikan, pusat pengajian tinggi atau pertubuhan profesional. Tidak seperti editor biasa, editor saintifik menyediakan maklumat teknik untuk disebarkan kepada pengguna di dalam bidang khusus. Pemilihan editor saintifik dan sidang pengarang selalunya didasarkan kepada skop dan polisi jurnal yang hendak diterbitkan. Pemilihan sidang pengarang selalunya dilakukan oleh ketua editor atau pihak berkuasa berdasarkan kepada ciri-ciri seperti berikut:

- (i) Seorang yang objektif.
- (ii) Pengalaman dan penglibatan di dalam penyelidikan.
- (iii) Perhubungan dengan penyelidik lain di dalam bidang yang dikenal pasti.
- (iv) Keupayaan memberikan sumber maklumat.
- (v) Dedikasi, dan
- (vi) Mempunyai masa untuk menghadiri mesyuarat sidang pengarang dan segala aktiviti yang berkaitan.

Sidang pengarang memerlukan pejabat dan kakitangan untuk membantu di dalam urusan pengendalian pejabat. Perlunya diwujudkan suatu sistem fail untuk manuskrip, penilai, pergerakan manuskrip dan sebagainya. Beberapa borang/surat yang standard perlu diwujudkan untuk menjimatkan masa pengurusan.

Pentingnya penilai/pengulas (*peer review*) bukan hanya sebagai mencari pandangan orang kedua (*second opinion*) selain daripada pandangan sidang pengarang tetapi mendapatkan saranan yang boleh mempertingkatkan lagi mutu manuskrip, menjadi 'mata' dan 'kepala' kepada sidang pengarang untuk menentukan kesesuaian penerbitan dan sebagainya. Mendapatkan pandangan lebih daripada seorang pengulas dan menggunakan sistem pengulasan sulit (*blind review system*) akan dapat membantu sidang pengarang membuat kesimpulan daripada pengulasan yang adil dan jujur. Walau bagaimanapun pengulasan sulit ini kurang berkesan kepada bidang-bidang yang terlalu khusus kerana tidak ramai pakar di dalam bidang kajian tertentu. Ini memberi peluang pengulas mengenal pasti siapa pengarang sesuatu manuskrip.

Penerbitan manuskrip karya ahli sidang pengarang dibolehkan selagi ia mengikut peraturan dan syarat-syarat biasa. Ini akan membantu penerusan penerbitan jurnal yang sukar mendapatkan manuskrip. Penerbitan manuskrip yang akan diterbitkan di dalam *Proceeding* juga dibolehkan sekiranya *Proceeding* tersebut lambat diterbitkan.

Pengulas yang tidak memberikan kerjasama patut disenaraihitamkan supaya tidak melambatkan penerbitan. Pengulas yang melambatkan penilaian kerana mempunyai kepentingan di dalam penyelidikan yang sama patut diawasi. Pengulas patut diberikan panduan dan syarat penerbitan jurnal supaya segala ulasan tidak menyimpang daripada polisi jurnal.

Segala laporan pengulas sepatutnya ditapis sebelum diserahkan kepada pengarang agar laporan yang negatif tidak membunuh semangat pengarang terutama pengarang muda. Sidang pengarang patut peka kepada perkembangan maklumat kerana ini akan dapat mengelakkan penerbitan manuskrip di dalam lebih daripada satu jurnal.

Pengarang mestilah diminta membuat perakuan bahawa karyanya adalah asli dan tidak pernah diterbitkan sebelum ini.

Membenarkan penerbitan berbagai disiplin di dalam jurnal boleh mengakibatkan tidak seimbang penerbitan setiap disiplin. Jadi memecahkan penerbitan kepada jurnal yang khusus adalah dicadangkan. Walau bagaimanapun, untuk bidang/disiplin yang kurang popular mungkin menghadapi kesan tidak mencukupi bahan untuk penerbitan. Juga mungkin terdapat manuskrip yang tersingkir atau 'sumbang' kerana jurnal terlalu khusus.

Proses penerbitan adalah merupakan proses yang tidak boleh dinafikan kepentingannya. Kecekapan dan pengurusan yang betul akan mengangkat taraf penerbitan dan jurnal khususnya. Langkah pertama di dalam proses yang merangkumi suntingan teknik (ketepatan, tatabahasa, dsb.), suntingan gaya jurnal (saiz taip, font, format, tajuk-tajuk, dsb.) dan suntingan secara saintifik (keseragaman jadual, rajah, teks, dsb.). Penyuntingan haruslah teliti supaya pruf galei yang dihasilkan mudah disemak oleh pembaca pruf dan tiada pembedaan, tambahan atau penyingkiran selepas peringkat pruf.

Pengarang mestilah diberi peluang untuk menyemak manuskrip yang telah disunting supaya sebarang pembedaan dan perubahan dapat dipastikan. Dicapulkan sidang pengarang menyediakan peraturan sebagai panduan untuk pengarang menyediakan manuskrip berdasarkan format yang sesuai untuk penerbitan jurnal. Panjang manuskrip, cara menulis bibliografi, penyediaan graf dan rajah, dan format jurnal patut ditentukan pada awal-awal lagi. Pengarang mestilah diberikan peluang mengubahsuai sendiri manuskripnya. Ini akan dapat mengurangkan kerja sidang pengarang. Pengarang patut dinasihatkan supaya tidak menggunakan terlalu banyak jadual, graf dan formula yang terlalu kompleks dan rumit atau *jargon*. Pengurangan penggunaan *jargon* akan meluaskan lagi 'guna' dan penggunaan jurnal. Penggunaan sistem komputer dengan cara yang betul akan menjimatkan kos dan masa. Pembedaan dan penyediaan manuskrip patut menggunakan sistem komputer. Pengarang patut diberitahu sistem komputer yang sesuai digunakan. Selain daripada itu semua rekod juga boleh disimpan di dalam komputer supaya senang dibuat penyemakan. Penerbit patut menentukan kos menset-taip kurang daripada 5% kos percetakan.

Jurnal telah diterima oleh komuniti saintifik di dalam negara, membangun sebagai 'jambatan' penghubung maklumat/jumpaan saintifik terbaru yang efisien dan efektif.

Jurnal diterbitkan mestilah berdasarkan kepada keperluan negara dan mampu mengeluarkan dan menyampaikan maklumat terbaru ke arah menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Proses penerbitan maklumat bergantung kepada keupayaan pengarang, kemampuan organisasi tempat bekerjanya, kesungguhan sidang pengarang jurnal tersebut. Kelambatan penerbitan jurnal bermakna proses penyebaran maklumat/jumpaan terbaru tidak lagi menjadi berkesan.

Terdapat manuskrip yang disampaikan oleh pengarang agak mengecewakan persembahannya. Ini tidak mencapai matlamat pemindahan maklumat. Penyelidik sekurang-kurangnya mestilah menyampaikan hasil kajiannya dengan cara yang boleh difahami oleh komuniti sasarannya.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah jurnal perlu diterbitkan untuk melengkapkan pelaburan di dalam penyelidikan dan perkembangan sains, membantu meningkatkan dan mempertahankan kerja-kerja penyelidikan sains yang telah dilakukan di dalam negara.

*"Were I to wait perfection, my book would never be finished".*

*Tai T'ung*

#### **Penghargaan**

Puan Rosni Habib - yang telah menaip laporan ini secara sukarela di luar waktu pejabat

**Seminar Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan  
Perpustakaan dan Pusat Maklumat  
18-19 Oktober 1988**

by  
*Penelope Husin*

There were 14 papers given at this *Seminar on Excellence in Library Management* organized by the School of Library and Information Science, Institut Teknologi Mara. No one paper defined what actually was excellence in library management but rather there was a discussion on how to improve certain aspects of management in libraries and information centres.

Two types of papers were presented. Those, that were theoretical, some given by non-librarians and those papers that dealt with an individual library's management experiences.

Theoretical papers concerned the topics of personnel management, planning and evaluation, economics of information, marketing of library services and computerization.

Descriptions of individual libraries' experiences were given by the following Librarians: Puan Zawiyah Baba from the National Library and Encik Wong Vui Yin from the Sabah State Library outlined the objectives of their organizations and the planning involved. Encik John Samuel from New Straits Times Press Library and Cik Shukoriah Mohd. Noor from the Kuala Lumpur Stock Exchange Library discussed the marketing of their library services, including the "packaging" and pricing of their information services. Puan Shahaneem Hanoum from Selangor State Library and Encik Khaliludin Romly from ASEAN Food Handling Bureau presented papers on the importance of public relations in gaining support for their individual libraries. These papers created discussion among the participants on the image of librarians. Cik Hajjah Shahar Banun Jaafar from the National Library described the types of computerization in the National Library.


One of the most interesting and well-presented papers was given by Professor Dr. Wan Mohd. Ghazali Wan Abdullah from Pusat Penyelidikan Perundingan, I.T.M. He spoke about the marketing of library services.



## Pelawat-Pelawat ke Perpustakaan

Tarikh	Nama pelawat dan alamatnya
14.9.88	Carl-Rudolf Hottes Bochum
21.9.88	Zainab Ibrahim Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur
	Maria Luisa C. Moral National Library of the Philippines
	Benjamas Tontyaporn Bank of Thailand, Bangkok
	John P. Rompas Department of Education and Culture, Jakarta, Indonesia
	Mary Tan Attorney-General's Chambers, Singapore
	Mariah Haji Kamis Attorney General's Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
	Nor Azmah Abd. Aziz Perpustakaan Negara Malaysia
	Putri Nurulhuda Perpustakaan Negara Malaysia
21.10.88	Zarina Hj. Radzi Perpustakaan Yayasan Sabah
	Zahra Yaacob Perpustakaan Yayasan Sabah
7.11.88	Evelyn M. Soriano Department of Education, Culture and Sports, Manila, Philippines
	Somluck Chermsook Bangkok Metropolitan Administration, Thailand
	Mohamad bin Haji Tinggal University of Brunei Darussalam Library, Brunei Darussalam
	Nelson M. Basily National Library Service of Solomon Islands, Honiara, Solomon Islands
	Sirima L. Katugampola National Library of Sri Lanka, Colombo, Sri Lanka

Tarikh	Nama pelawat dan alamatnya
7.11.88	Rokayah Library of The Supreme Advisory Council, Jakarta, Indonesia  Flora A. Valmonte National Library of the Philippines  Neeta Gautam Ministry of General Administration, Nepal  Amanah Ahmad Perpustakaan Negara Malaysia  Mohd. Din Ahmad Perpustakaan Negara Malaysia
10.11.88	Hj. Shaari Abdullah Dewan Bahasa dan Pustaka  Hj. Ismail Ahmad Dewan Bahasa dan Pustaka  Zalila Sharif Dewan Bahasa dan Pustaka
13.12.88	Mohd. Rosli Muda Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri  Abdul Halim Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perdana Menteri



## Berita ASTAKA

### SUKAN

Jawatankuasa ASTAKA telah mengadakan minggu sukan ke-16 bermula dari 28 November hingga 7 Disember 1988. Peserta dibahagikan kepada 2 kumpulan. Acara-acara yang dipertandingkan seperti berikut::

1. Bola Sepak
2. Karem
3. Bola Jaring
4. Hoki
5. Badminton
6. Sepak takraw


Pada keseluruhan pertandingan tersebut dimenangi oleh kumpulan A.

### MESYUARAT AGONG

Mesyuarat Agung ASTAKA telah berlangsung pada 3 Disember 1988 bermula pada pukul 12.45 tengahari sehingga pukul 2.00 petang, bertempat di Bilik Kakitangan Perpustakaan.

Jawatankuasa yang dilantik untuk tahun 1988/89 ialah :

Presiden:	Puan Hajjah Zainab Abdul Kader.
Naib Presiden:	Encik Mohd. Pisol Ghadzali
Setiausaha:	Encik Mohamad Aziz Othman
Pen. Setiausaha:	Cik Fawzia Dawood
Bendahari:	Encik Quah Kung Hai
Setiausaha Sukan:	Encik Nor Adzam Baba
Pen. Setiausaha Sukan:	Encik Teh Toh Seng
Setiausaha Sosial:	Encik Mohd. Idris Hj. Ali
Pen. Setiausaha Sosial:	Encik Aznan Omar
Wakil K/Tangan Ikhtisas:	Cik Wong Sook Jean
Wakil Kerani:	Encik Mohd. Yusof Othman
Wakil Jurutaip:	Cik Woo Kok Pheng
Wakil Atenden:	Encik Ahmad Suhaimi Fadzin
Wakil Perubatan:	Encik Zakaria Deraman
Juruaudit:	Encik Wong Peng Kit



# SUMBER ULHAM

## KANCIL OH! KANCIL

Duhai Sang Kancil  
Kau semaiakan benih-benih baktimu  
Kau siramkan benih-benih bersama keringatmu  
Tanpa mengenal jemu  
Agar benih-benih semaianmu  
Menghasilkan bunga-bunga yang mewangi  
Kau pupuk  
Kau jaga  
Kau harungi setiap cabaran  
Kau hadapi setiap rintangan  
Untuk mengharumkan Jabatan ini  
Kami bangga  
Atas ketekunan mu  
Kini kau melangkahhkan kaki  
Meninggalkan hasil-hasil baktimu  
Kini benih-benih semaian mu  
Menghasilkan kuntum-kuntum bunga  
Mekar mewangi  
Harumnya terbau di mana-mana  
Kami turut berbangga  
Atas bakti-bakti mu

---

*Sajak ini saya tujukan buat EN. LIM HUCK TEE*

ZEEY 88

## JENDELA

Jendela dan pintu  
Di dalamnya  
Sebuah kamar sepi  
Di luar  
Kehijauan dedaunan  
Memberi salam disetiap pagi  
Bila azan bergema  
Ku abaikan suara itu  
    Kelmari  
    Mimpi sedih  
    Bertanyakan janji  
    Jendela pada ketawa  
    Pintu pada kegelapan  
Bersama kehijauan pagi  
bersama kukokan ayam  
Suara mu datang lagi  
Ah, kata-katamu terlalu sentimental, romantis  
Ku abaikan suara itu  
Aku merengkok dipelok kejahilan  
    Benar!  
    Semalam bulan mengenyitkan mata  
    Bintang-bintang berzikir  
    Pepohon menyujud menyembahmu  
    Bila terdengar suara itu  
Entah mengapa?  
Aku mulai gila pada suara itu  
Dan rindu padamu  
Yang datang tiba-tiba  
    Mungkin esok aku pergi  
    Meninggalkan jendela dan pintu  
    Untuk bertemu denganmu  
    Cukupkah bekalan yang ku bawa....?  
    Untuk dihidangkan di hadapanmu

*Zeey 1988*

## BOSS OR LEADER?


The Boss drives his men;  
The Leader coaches them.  
The Boss depends on authority;  
The Leader on goodwill.  
The Boss inspires fear;  
The Leader inspires enthusiasm.  
The Boss says "I";  
The Leader says "We".

The Boss says "Go";  
The Leader says "Let's Go".  
The Boss uses people;  
The Leader develops them.  
The Boss sees today;  
The Leader also looks at tomorrow. The Boss never has enough time;  
The Leader makes time for things that count.

The Boss is concerned with things; The Leader is concerned with people.  
The Boss lets his people know where he stands;  
The Leader lets his people know where they stand.  
The Boss works hard to produce;  
The Leader works hard to help his people produce.  
The Boss takes the credit;  
The Leader gives it.


*Dedicated to all bosses in the hope that they will strive to be leaders.*

*Ed.*



## DISEMBER - 88

DISEMBER!  
Kau datang lagi  
Bersama tarian banjir  
Kedatangan mu sudah ku tahu  
Untuk meragut tirai 1988



Disember '88  
Hari Natal menjelma lagi  
'Santa Claus' tersenyum riang  
Bersama tulang-tulang bulan yang akan hancur  
Kehancuran mu di telan masa  
Terlalu pantas tirai mu diragutkan  
Yang tinggal bangkai-bangkai kenangan  
Bersama arus-arus Azam yang basi

Disember '88 kau melangkah pergi  
Bersama bangkai-bangkai kenangan  
Kini 1989 merangkak datang  
Bersama keputihan untuk di warnakan  
Kedatangan mu tangan menadah  
Dengan Azam-Azam baru

Untuk semua ku dendangkan ucapan  
SELAMAT TAHUN BARU.

ZEEY 1988

# SUDUT PEMBACA

Saudara/Saudari boleh mengemukakan cadangan, pandangan, pujian atau ketidakpuasan hati terhadap Perpustakaan. Tulisan saudara/saudari hendaklah ringkas dan padat serta tidak menyinggung perasaan individu tertentu.

Cadangan, pandangan dan lain-lain boleh ditulis dengan menggunakan nama samaran tetapi nama sebenar (yang akan dirahsiakan) wajib disertakan.

## Syabas.....


Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua kakitangan Perpustakaan kerana dikenali sebagai sebuah Jabatan di USM yang sangat berdisiplin dan rajin bekerja. Kekalkanlah imej ini sepanjang masa.

*Sukahati*

## Siapa yang Bersalah?

Papan kenyataan menunjukkan waktu pembukaan Perpustakaan kita ialah dari 8.30 pagi hingga 11.00 malam, kaunter pinjaman ditutup pada pukul 10.30 malam. Kerja-kerja mengemaskan buku-buku di atas meja dan sebagainya dijalankan pada 10.30 malam. Jika setengah jam ini dikhaskan untuk kerja-kerja mengemaskan Perpustakaan, kita harus tulis waktu tutup yang sebenarnya. Ini tidak akan mengelirukan pengguna-pengguna dan akan menyenangkan para petugas malam. Kalau pengumuman waktu tutup dibiarkan begitu sahaja para pengguna percaya adalah hak mereka untuk berada dalam Perpustakaan hingga pukul 11.00 malam dan para petugas rasa serba salah hendak menjalankan tugas-tugas mereka kerana pengguna-pengguna berleter tentang kebisingan waktu itu.

*'Pekerja malam'*



# SUDUT RESIPI

*kelolaan Aznan Omar*

## AGAR-AGAR KACA

### *Bahan A*

1/2 tahlil agar-agar  
4 glass sederhana air  
8 oz gula pasir  
sedikit daun pandan

### *Bahan B*

1/2 tahlil agar-agar  
4 glass santan sederhana pekat  
8 oz gula pasir  
sedikit daun pandan

### *Cara-cara menyediakannya*

1. Bahan A dan B hendaklah dijerangkan ke atas api berasingan hingga mendidih dan gula hancur.
2. Bahagian A dibahagikan kepada 3 bahagian. Warnakan kepada tiga jenis warna sesuka hati anda. Adunan B biarkan begitu sahaja.
3. Sediakan acuan dan lapiskan adunan pertama berselang-seli dengan bahan B hingga habis. Apabila melapis biarkan lapisan pertama hampir beku sebelum lapisan seterusnya dituangkan.

## PUFF GULUNG MEE SEGERA

### *Bahan-bahan untuk kulitnya*

4 cawan tepung gandum  
3 sudu besar mentega  
1 biji kuning telur  
sedikit air ais dan garam

### *Bahan-bahan untuk intinya*

1 bungkus mee segera  
1 labu bawang besar (dipotong halus)  
125 gm daging cincang  
1 biji kuning telur  
sedikit air panas  
minyak untuk menumis

### *Cara menyediakannya*

1. Tepung, mentega, kuning telur dan garam digaul sekali. Ulikan hingga menjadi lembut. Tambah air ais sedikit demi sedikit. Simpan buat sementara.
2. Lembutkan mee segera dengan air panas.
3. Panaskan minyak dan tumis bawang besar, daging cincang dan mee segera. Goreng hingga menjadi kekuningan.
4. Masukkan perasa mee segera dan gorenglah hingga masak.

Canai adunan tepung tadi sederhana tebal. Potong ukuran 3 inci panjang dan 2 inci lebar. Masukkan inti yang telah digoreng dan gulung adunan tersebut. Sapukan kuning telur di atasnya dan bakar hingga masak kekuningan di atas dulang pembakar yang telah disapu minyak.

Selamat mencuba, selamat makan dan selamat hidup (no food poisoning, .o.k?)

# UCAPAN

## Selamat Pengantin Baru

*JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada*

Mohd. Fekery b. Ghazali  
&  
Siti Fatimah bt. Mohd Kassim  
13 November 1988

Saad b. Darus  
&  
Shah Harizat bt. Bakar  
20 November 1988

K. Kaliappan  
&  
Shanthi  
27 November 1988

Anisah bt. Hussain  
&  
Amirruddin b. Moor  
4 Disember 1988

## Cahaya Mata

Abdul Razak Zainuddin  
Bahagian Perkhidmatan Media  
cahayamata lelaki

Haliza Zakaria  
Bahagian Proses Teknik  
cahayamata lelaki

*(JENDELA meminta maaf atas kesilapan jantina dalam keluaran yang lepas).*

# MERRY CHRISTMAS

&

# HAPPY NEW YEAR '89

SELAMAT MENYAMBUK KRISMAS DAN  
TAHUN BARU 1989

daripada: Lee Yin Yuen

SELAMAT MENYAMBUK HARI KRISMAS  
DAN TAHUN BARU 1989

daripada: Angela Yen dan keluarga

To; Mr. Lim Chee Hong & family

WISHING YOU AND YOUR FAMILY  
A MERRY CHRISTMAS

from: Asnah Ali

SELAMAT MERAYAKAN HARI KRISMAS  
DAN TAHUN BARU 1989

daripada: Mat Roni Abd Rahman

SELAMAT MENYAMBUK HARI KRISMAS  
DAN TAHUN BARU 1989

daripada : Kalsoom Che Din

ISMABU & ZUBIMA




mengucapkan selamat Hari Raya  
Krismas dan Happy New Year.




SELAMAT  
 MENYAMBUT HARI NATAL  
 KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
 YANG BERUGAMA KRISTIAN  
 DAN  
 SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU  
 1989  
 KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
 PERPUSTAKAAN



daripada  
 LIM CHEE HONG



SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT  
 MENYAMBUT HARI NATAL  
 KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
 YANG BERUGAMA KRISTIAN  
 DAN  
 SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU  
 1989  
 KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
 PERPUSTAKAAN



daripada  
 ZAINAB ABDUL KADER






SELAMAT MEMYAMBUUT HARI KRISMAS

&

SELAMAT TAHUN BARU 1989

*daripada*

YEOH HOONG KHENG





MERRY CHRISTMAS

AND

HAPPY NEW YEAR




1989

FROM  
KAKITANGAN PERPUSTAKAAN  
CAWANGAN PERAK





WISHING YOU ALL  
MERRY CHRISTMAS  
AND  
HAPPY NEW YEAR  
1989

*warm greetings from*  
FAHZIA DAHOOD



SELAMAT  
MERAYAKAN HARI KRISMAS  
KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
YANG BERUGAMA KRISTIAN  
DAN  
SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU  
1989  
KEPADA SEMUA KAKITANGAN  
PERPUSTAKAAN

daripada  
WONG SOOK JEAN / CHANG SIW LAI



SIDANG PENGARANG JENDELA PERPUSTAKAAN U.S.M.



MENGUCAPKAN SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS & SELAMAT TAHUN BARU 1989 KEPADA  
SEMUA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

## KUIZ JENDELA

(Sempena Ulangtahun Ketiga)

*Hadiah Pertama = \$30.00 Hadiah Kedua = \$20.00 Hadiah Ketiga = \$10.00*

1. Siapakah Ketua Pengarang pertama JENDELA?

Jawapan:

2. Sebutkan 2 orang personaliti yang telah diterbitkan pada keluaran 1 & 2, 1988.

Jawapan:

3. Apakah yang hendak diterangkan oleh Fawzia Dawood dalam artikelnya yang berjudul 'Ragam Pengguna di Kaunter Rujukan'?

Jawapan:

4. Berapa banyakkah penyertaan yang telah diterima dalam peraduan mencipta logo dan nama buletin JENDELA?

Jawapan:

5. Pada keluaran 1 & 2, Mac & Mei 1987, JENDELA telah mengumumkan johan pertandingan mencipta sajak.

i. Siapakah penciptanya?

ii. Apakah tajuk sajak tersebut?

Jawapan:

6. Satu keluaran khas JENDELA telah diterbitkan oleh JENDELA pada bulan Februari 1988. Apakah tujuan terbitan tersebut?

Jawapan:

7. Naib Canselor USM, Datuk Haji Musa Mohamad telah melakukan lawatan resmi ke Perpustakaan USM. Nyatakan tarikh lawatan beliau.

Jawapan:

8. Apakah warna kulit muka terbitan pertama JENDELA?

Jawapan:

9. Sebutkan 2 orang yang dilantik ke jawatan baru pada 1 Oktober 1987 sepertimana yang diumumkan dalam JENDELA.

Jawapan:

10. Bilakah projek menanda label 'kod bar' dimulakan di Perpustakaan ini?

Jawapan:

11. Sakinah Che Embi telah menulis satu rencana dalam JENDELA keluaran 3, 1987. Berikan tajuk serta huraian ringkas mengenai rencana tersebut.

Jawapan:

12. (i) Berikan nama tajuk sajak yang pertama diterbitkan oleh JENDELA.  
(ii) Siapakah penciptanya?  
(iii) Sebutkan bilangan dan tarikh terbitan tersebut.

Jawapan:

13. Cadangkan tajuk yang sesuai bagi lukisan kartun yang diterbitkan oleh JENDELA pada keluaran Mei, 1988.

Jawapan:

14. 'Surat Jingga' adalah merupakan satu-satunya cerpen yang pernah diterbitkan oleh JENDELA.

- (i) Siapakah pengarangnya?                      (ii) Bilakah keluarannya?

Jawapan:

15. Bekas Ketua Pustakawan, Encik Lim Huck Tee merupakan salah seorang dari 5 pakar perunding dalam projek menghidupkan kembali perpustakaan purba di dunia.

- (i) Nama Perpustakaan tersebut?                      (ii) Di manakah letaknya?

Jawapan:

Nama: ..... Tandatangan .....

Bahagian: ..... Tarikh.....

### Syarat-Syarat Penyertaan

Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan perpustakaan.

Sidang pengarang JENDELA tidak dibenarkan mengambil bahagian.

Semua penyertaan adalah percuma.

Semua jawapan hendaklah didapati lengkap dan tepat.

Setiap pembaca dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi setiap penyertaan mestilah menggunakan borang khas yang sah dan boleh didapati di setiap buletin JENDELA.

Maklumat jawapan bagi kesemua soalan ini boleh didapati di dalam buletin JENDELA bilangan pertama 1985 hingga bilangan keempat 1988.

Seciranya didapati penyertaan yang mana jawapannya adalah sama maka undian akan dijalankan.

Keputusan pengadil adalah muktamad.

Semua penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada Aznan Omar, Kuiz JENDELA 88 dan mesti sampai selewat-lewatnya pada 30 Januari 1989.

Keputusan akan diumumkan dalam keluaran pertama JENDELA 1989.